

13 JUN 2003

PERDANA MENTERI TURKI TIBA UNTUK LAWATAN TIGA HARI

SEPANG, 13 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Turki Recep Tayyip Erdogan tiba di sini untuk lawatan tiga hari ke Malaysia.

Beliau disambut di Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) di sini oleh Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Pesawat Airbus A-340 yang membawa Erdogan, isteri beliau Emine dan anggota rombongan seramai 200 orang termasuk lima menteri dan sembilan anggota Parlimen, mendarat kira-kira pukul 11 pagi.

Erdogan akan bersembahyang Jumaat di Masjid Putra di Putrajaya sebelum menghadiri upacara ketibaan rasmi di Dataran Putra kira-kira pukul 3 petang.

Beliau dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kemudian dijangka mengadakan mesyuarat dua hala di Jabatan Perdana Menteri.

Malam ini, Dr Mahathir akan menjadi hos jamuan malam meraikan pemimpin Turki itu di Seri Perdana, kediaman rasmi Perdana Menteri di Putrajaya.

-- BERNAMA

SHI MAM KHY BK RON